

KEBERKESANAN LATIHAN MENGAJAR MENURUT  
PERSEPSI PENSYARAH POLITEKNIK LEPASAN KUITTHO

W MOHD HANIFF BIN W MOHD SHAUFIL

Laporan projek ini dikemukakan  
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat  
penganugerahan ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Fakulti Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002

## DEDIKASI

### *Mak dan Abah*

*'insan yang melahirkan & membesarkan,  
pengorbananmu kukenang.....'*

### *Akak dan Abang Sham*

*'doa kalian  
tetap menjadi peniup semangat.....'*

### *Adik-adikku*

*'kejayaan kita bersama,  
bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.....'*

### *Insan Teristimewa*

*'kehidupan yang dilalui bersama  
banyak mengajar kita erti kedewasaan.....'*

## PENGHARGAAN

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Penyelaras Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional, Prof. Madya Dr. Zulkifli bin Mohamed di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang dicurahkan sepanjang projek ini dilaksanakan. Tidak ketinggalan kepada penyelia projek ini, En. Asri bin Selamat. Segala sokongan, bimbingan dan tunjuk ajar akan dikenang sehingga ke hembusan nafas terakhir dan Allah sahaja yang dapat membalas budi baik dan bantuan yang diberikan dalam menyempurnakan projek ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga dirakamkan kepada kakitangan Fakulti Teknologi Kejuruteraan khususnya Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional serta Pusat Pengajian Siswazah, yang banyak membantu dengan meluangkan masa serta menyediakan data dan maklumat yang diperlukan.

Kepada keluarga dan sahabat-sahabat yang bersama-sama menempuh ranjau hidup di menara gading ini, jutaan terima kasih diucapkan kerana bantuan dan sokongan moral yang diberikan. Kepada sahabat-sahabat sealiran, kalian adalah yang terbaik pernah dimiliki. Pahit manis belajar dan bekerja dengan kalian akan menjadi memori yang abadi di sanubari hingga hayat berakhir. Kepada Yusdi, Zulhazri, Zaida dan Tan Kooi Lim, terima kasih di atas pertolongan dan kerjasama yang diberikan dalam mengedarkan borang-borang soal selidik kajian ini. Moga segala jasa kalian diberi balasan yang setimpal oleh Yang Maha Adil. Akhir kalam, terima kasih sekali lagi kepada semua yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan projek ini.

## ABSTRAK

Program latihan mengajar merupakan suatu komponen penting dalam pendidikan perguruan bagi melahirkan bakal-bakal pendidik yang terlatih dan berwibawa. Kajian yang bertajuk “Keberkesanan Latihan Mengajar Menurut Persepsi Pensyarah Politeknik Lepas KUiTTHO” ini dijalankan adalah bertujuan untuk mengetahui sejauhmana tahap keberkesanan program latihan mengajar yang wajib dilalui oleh pelajar-pelajar dalam bidang pendidikan. Objektif kajian adalah untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi Pensyarah Politeknik Lepas KUiTTHO dalam aspek perancangan pengajaran dan pembelajaran, aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, aspek keperibadian dan ikhtisas serta aspek hubungan sosial dengan masyarakat institusi latihan. Seramai 71 responden dipilih secara rawak di lima buah politeknik yang terdapat di Malaysia. Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan responden memberikan persepsi yang positif terhadap latihan mengajar yang telah mereka jalani. Sebahagian besar daripada mereka bersetuju bahawa tahap keberkesanan latihan mengajar berada pada tahap yang baik dan memuaskan. Namun begitu, terdapat beberapa aspek yang perlu diperbaiki dan dikemaskini bagi menjamin keberkesanannya berada pada tahap yang lebih baik. Oleh yang demikian, hasil daripada dapatan kajian ini, dicadangkan sebuah Buku Panduan Latihan Mengajar dengan harapan ia dapat membantu sedikit sebanyak dalam usaha untuk memastikan keberkesanan latihan mengajar dapat terus dikekalkan dan dipertingkatkan.

## ABSTRACT

Teaching training programme is an important component in the teaching education to produce well trained and competence educator. The study entitled “Keberkesanan Latihan Industri Menurut Persepsi Pensyarah Politeknik Lulusan KUiTTHO” is implemented in order to know the level of effectiveness of teaching training programme that must be undergone by student in the education field. The objectives of this study is to know the effectiveness of teaching training programme according to polytechnic lecturers perception graduated from KUiTTHO in the aspect of teaching and learning planning, teaching and learning implementation, career professionalism and social relation in the training institution society. 71 respondents were randomly selected among five polytechnics in Malaysia. The finding totally shows that respondents give a positive perception towards teaching training that they have undergone. Many of them agreed that the effectiveness level of teaching training was in the good and satisfy level. Nevertheless there are some aspects they have to be improved and updated to ensure the effectiveness must be at the good level. Under the circumstances, from the study’s finding, a teaching training manual has been proposed in order to assist some efforts to ensure the effectiveness of teaching learning can be sustained and improved.

## KANDUNGAN

### BAB PERKARA

### MUKA SURAT

PENGESAHAN STATUS TESIS

PENGESAHAN PENYELIA

JUDUL

PENGAKUAN

DEDIKASI

PENGHARGAAN

ABSTRAK

ABSTRACT

KANDUNGAN

SENARAI JADUAL

SENARAI RAJAH

SENARAI SINGKATAN

i

ii

iii

iv

v

vi

vii

xi

xiii

xiv

### BAB I PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latarbelakang Masalah	2
1.3	Penyataan Masalah	3
1.4	Persoalan Kajian	4
1.5	Objektif Kajian	4
1.6	Kepentingan Kajian	5

1.7	Skop Kajian	6
1.8	Definisi Istilah	6
1.8.1	Keberkesanan	6
1.8.2	Latihan Mengajar	7
1.8.3	Persepsi	7
1.8.4	Pensyarah-pensyarah Politeknik Lepas Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO	8

## **BAB II SOROTAN KAJIAN**

2.1	Pengenalan	9
2.2	Matlamat dan Kepentingan Latihan Mengajar	9
2.3	Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran	11
2.4	Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	13
2.5	Keperibadian Dan Ikhtisas	15
2.6	Hubungan dan Komunikasi Sosial	18

## **BAB III METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	22
3.2	Rekabentuk Kajian	22
3.3	Responden / Sumber Data	23
3.4	Instrumentasi	24
3.4.1	Bahagian Soal Selidik	25
3.5	Kaedah Analisis Data	26
3.5.1	Peratusan	27
3.5.2	Min Skor	27
3.6	Kajian Rintis	28
3.7	Batasan Kajian	31
3.8	Andaian	31

## **BAB IV REKABENTUK PRODUK**

4.1	Pengenalan	33
4.2	Penghasilan Buku Panduan Latihan Mengajar	36
4.3	Objektif Penghasilan Buku Panduan Latihan Mengajar	34
4.4	Bentuk dan Ciri-ciri Buku Panduan Latihan Mengajar	34
4.5	Kronologi Pembinaan Buku Panduan Latihan Mengajar	35
4.6	Sasaran Penggunaan Buku Panduan Latihan Mengajar	36
4.7	Permasalahan Yang Dihadapi Dalam Proses Penghasilan Buku Panduan Latihan Mengajar	36
4.8	Batasan	37
4.9	Harapan	37

## **BAB V ANALISIS DATA DAN KEPUTUSAN**

5.1	Pengenalan	38
5.2	Bahagian A: Latarbelakang Responden	39
5.3	Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek-aspek Dalam Latihan Mengajar	42
5.3.1	Aspek Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran	43
5.3.2	Aspek Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	46
5.3.3	Aspek Keperibadian Dan Ikhtisas	49
5.3.4	Aspek Hubungan Sosial Dengan Masyarakat Latihan	52

## **BAB VI RUMUSAN DAN CADANGAN**

6.1	Pengenalan	56
6.2	Perbincangan	56
6.2.1	Aspek Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran	57
6.2.2	Aspek Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	58
6.2.3	Aspek Keperibadian Dan Ikhtisas	60

6.2.4	Aspek Hubungan Sosial Dengan Masyarakat Latihan	61
6.3	Rumusan Kajian	62
6.4	Cadangan	63
6.4.1	Aspek Perancangan dan Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	63
6.4.2	Aspek Keperibadian Dan Ikhtisas	64
6.4.3	Buku Panduan Latihan Mengajar	64

<b>RUJUKAN</b>	<b>65</b>
----------------	-----------

**LAMPIRAN A**

**LAMPIRAN B**

**LAMPIRAN C**

**BUKU PANDUAN LATIHAN MENGAJAR**



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Objektif Kajian	25
3.2	Skala Likert	26
3.3	Analisa Skala Likert	28
3.4	Perincian Item Soal Selidik Kajian Rintis	29
3.5	Hasil Kajian Rintis Untuk Soal Selidik Dengan 25 Item	30
5.1	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Jantina	39
5.2	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Status Perkahwinan	40
5.3	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Kumpulan Umur	40
5.4	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bangsa	40
5.5	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Bidang Ijazah Pertama	41
5.6	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Menamatkan Pengajian di ITTHO/KUIITTHO	41
5.7	Bilangan dan Peratusan Responden Mengikut Tahun Mula Berkhidmat di Politeknik	42
5.8	Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek-aspek Dalam Latihan Mengajar	43
5.9	Maklumbalas Responden Terhadap Aspek Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran	44
5.10	Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran	45
5.11	Maklumbalas Responden Terhadap Aspek Perlaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran	47

## SENARAI JADUAL (samb.)

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
5.12	Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	48
5.13	Maklumbalas Responden Terhadap Aspek Keperibadian Dan Ikhtisas	50
5.14	Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek Keperibadian Dan Ikhtisas	51
5.15	Carta Alir Penghasilan Buku Panduan Latihan Mengajar	53
5.16	Min Bagi Penilaian Terhadap Aspek Hubungan Sosial Dengan Masyarakat Latihan	54



## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Kaedah Peratusan Kekerapan	27
3.2	Kaedah Min Skor	27
4.1	Carta Alir Penghasilan Buku Panduan Latihan Mengajar	35
5.1	Graf Taburan Min Bagi Item Aspek Perancangan Pengajaran Dan Pembelajaran	46
5.2	Graf Taburan Min Bagi Item Aspek Perlaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran	49
5.3	Graf Taburan Min Bagi Item Aspek Keperibadian Dan Ikhtisas	52
5.4	Graf Taburan Min Bagi Item Aspek Hubungan Sosial Dengan Masyarakat Latihan	55

## SENARAI SINGKATAN

- ABBM** : Alat Bantu dan Bahan Mengajar
- KUITTHO** : Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn
- SPSS** : *Statistical Package for Social Science*



**PTTA UTHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH



# BAB 1



# BAB I

## PENDAHULUAN

### 1.1 Pengenalan

Program latihan mengajar adalah suatu komponen penting dalam pendidikan keguruan. Program ini merupakan pengalaman mengajar sebenar yang dialami oleh seseorang guru pelatih dalam situasi sekolah atau politeknik untuk jangka masa tertentu. Semasa menjalani latihan mengajar, seseorang guru pelatih berpeluang melaksanakan tugas dan tanggungjawab pengajaran dalam situasi sebenar dengan diawasi dan diselia oleh pihak institusi latihan keguruan dan pihak sekolah (National Council for Accreditation of Teacher, 1982). Menurut Mohd Ibrahim dan Zakaria (1994), latihan mengajar penting kerana perlaksanaannya selaras dengan amalan dalam pendidikan profesional yang memberi penekanan terhadap latihan atau pengalaman praktik dalam situasi pekerjaan sebenar.

Latihan mengajar ini adalah penting dalam mana-mana kursus pendidikan kerana ia dapat memberikan kesan kepada pelatih dari segi personaliti dan juga pengalaman baru dari aspek kemahiran dan tanggungjawab dalam suasana yang nyata iaitu di sekolah dan bukannya di kampus. Ianya juga dapat memberikan latihan praktikal bagi menilai kebolehan pelatih sebagai seorang guru sepertimana yang dikehendaki oleh etika profesion perguruan. Pendapat ini disokong oleh Robiah Sidin (1998), yang menyatakan bahawa pendidik yang berkualiti dalam erti kata

berwibawa, berpengetahuan, mahir, menghayati nilai dan ideologi negara di samping bersikap penyayang dan bertoleransi adalah berpunca daripada pendidikan dan latihan yang disediakan.

## 1.2 Latarbelakang Masalah

Bidang perguruan mewajibkan semua bakal guru menjalani latihan mengajar semasa mengikuti kursus-kursus perguruan untuk melengkapkan diri mereka sebelum dilantik ke jawatan tetap. Bakal tenaga pengajar politeknik yang akan dilahirkan oleh Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO) juga tidak terkecuali. Ia adalah salah satu syarat bagi seseorang pelajar untuk layak dianugerahkan Sarjana Pendidikan (Teknikal) sebelum dihantar berkhidmat ke sesebuah politeknik.

Program Sarjana Pendidikan di KUiTTHO adalah bertujuan untuk melengkapkan bakal tenaga pengajar politeknik di Malaysia dengan sahsiah dan akhlak yang mulia. Ini dapat meningkatkan profesionalisme yang tinggi di dalam bidang pendidikan serta dapat memberikan latihan praktikal kepada bakal pensyarah politeknik di seluruh Malaysia. Selain daripada itu, dengan kewujudan program ini, dapat memberikan pengenalan profesion pendidikan kepada bakal-bakal pensyarah kelak serta amanah yang perlu dipikul dan kebolehan pelatih sebagai seorang pensyarah sepertimana yang dikehendaki oleh etika profesion pendidikan dapat dinilai.

Para pelajar Program Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dikehendaki untuk mengambil sebanyak empat puluh sembilan jam kredit bagi memenuhi program tersebut. Di samping itu, mereka dikehendaki dan diwajibkan untuk menjalani latihan mengajar selama dua belas minggu yang membawa kepada enam jam kredit. Para pelatih menjalani latihan mengajar semasa pertengahan atau akhir pengajian mereka.

Selepas menamatkan pengajian, pelajar lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO akan bergelar sebagai pensyarah dan akan bertugas di politeknik-politeknik seluruh Malaysia, termasuklah di Sabah dan Sarawak.

### 1.3 Penyataan Masalah

Seperti yang kita sedia maklum, pelatih-pelatih merupakan bakal pendidik yang akan mendidik anak bangsa. Kestabilan emosi dan kesanggupan seseorang pendidik dalam menangani cabaran dan tekanan kerja akan mempengaruhi keberkesanan pengajaran dan pembelajaran bilik darjah dan sudah pasti ia akan bersangkutan dengan prestasi pencapaian pelajar. Ini semua (kestabilan emosi dan kesanggupan pendidik) dikatakan dapat dibentuk semasa seseorang pelatih itu menjalani latihan mengajar. Ini kerana, semasa menjalani latihan mengajar, pelatih akan terlibat dengan perancangan pengajaran dan pembelajaran, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran, berinteraksi dengan masyarakat institusi latihan serta perlu membentuk peribadi dan ikhtisas yang tinggi.

Akan tetapi, walaupun latihan mengajar kerap kali dianjurkan oleh penganjur kursus namun ia masih lagi gagal untuk melahirkan pendidik yang berkualiti, berkesan dan cemerlang. Pendapat ini disokong kebenarannya kerana menurut dapatan beberapa kajian yang telah dijalankan, hasil dari aktiviti latihan mengajar ini dikatakan tidak mencapai maksud sebenar seperti yang diharapkan oleh program pendidikan guru (Kaltsounis & Nelson 1968; Clifton 1979; Seperson & Joyce 1981; Hoy & Woolfolk 1989).

Bertitik tolak daripada permasalahan yang timbul, maka kajian ini dijalankan untuk mengetahui persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) tentang keberkesanan latihan mengajar yang telah mereka lalui semasa mengikuti pengajian di KUiTTHO.

## 1.4 Persoalan Kajian

Kajian ini dilakukan untuk meninjau persoalan-persoalan berikut:

- i) Sejauhmanakah keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek perancangan pengajaran dan pembelajaran?
- ii) Sejauhmanakah keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran?
- iii) Sejauhmanakah keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek keperibadian dan ikhtisas?
- iv) Sejauhmanakah keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek hubungan sosial dengan masyarakat institusi latihan?

## 1.5 Objektif Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengetahui persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO terhadap sejauh mana keberkesanan latihan mengajar yang telah mereka lalui. Beberapa objektif telah ditetapkan dalam kajian ini, iaitu:

- a) Mengenalpasti sejauh mana keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek perancangan pengajaran dan pembelajaran.
- b) Mengenalpasti sejauh mana keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran.
- c) Mengenalpasti sejauh mana keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek keperibadian dan ikhtisas.
- d) Mengenalpasti sejauh mana keberkesanan latihan mengajar menurut persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO dari aspek hubungan sosial dengan masyarakat institusi latihan di mana mereka menjalani latihan mengajar.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Adalah diharapkan hasil daripada dapatan kajian yang dijalankan, ianya dapat membantu pihak-pihak berikut dalam mempertingkatkan kualiti kerja sedia ada:

- i) KUiTTHO  
Memberi panduan kepada pihak KUiTTHO untuk menilai sejauhmanakah keberkesanan latihan mengajar yang disyaratkan ke atas semua pelajar Sarjana Pendidikan dapat membantu pelajar dalam menuju ke arah kerjaya sebagai seorang pendidik. Dengan adanya kajian ini, semoga segala kekurangan dan kelemahan dapat diperbaiki dan dikemaskini pada masa akan datang.

- ii) **Pelatih**  
Memberi gambaran yang jelas kepada pelatih-pelatih yang bakal bergelar pensyarah tentang tugas dan tanggungjawab mereka dalam dunia perguruan kelak terutama dari aspek pengajaran dan pembelajaran.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini dijalankan hanya untuk mendapatkan maklum balas daripada pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO yang telah bertugas di politeknik-politeknik di seluruh Malaysia. Ia tidak mengambil kira maklum balas pensyarah-pensyarah yang mempunyai latarbelakang pendidikan atau ikhtisas daripada institusi lain.

## 1.8 Definisi Istilah

Penjelasan mengenai kata istilah dinyatakan bagi memastikan kefahaman dan hala tuju kajian dapat ditentukan. Definisi istilah bagi tajuk kajian yang akan dijalankan adalah seperti berikut:

### 1.8.1 Keberkesanan

Keberkesanan terhadap sesuatu tindakan dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya. Menurut Kamus Dewan (1993), keberkesanan diertikan

sebagai berkesannya sesuatu tindakan, perubahan dan sebagainya. Di dalam kajian ini, keberkesanan bermaksud hasil atau tindakan perubahan yang diperolehi oleh seseorang pelatih setelah mereka menjalani latihan mengajar.

### **1.8.2 Latihan Mengajar**

Melalui latihan mengajar, guru pelatih akan dapat menunjukkan dan mengamalkan tingkahlaku yang diinginkan untuk mengajar secara berkesan serta menggunakan segala teori yang telah didedahkan kepada mereka semasa mengikuti kursus pendidikan. Mengikut Veenman (1984), latihan mengajar adalah satu transisi dari seorang pelajar kepada menjadi seorang guru terlatih. Ia juga merupakan satu komponen penting dalam sesuatu program latihan perguruan (Abdul Raof dan T. Sumbaran, 1991).

### **1.8.3 Persepsi**

Di dalam kajian ini persepsi merujuk kepada pendapat, tanggapan atau apa yang difikirkan oleh individu terhadap suatu perkara yang dialami oleh individu itu sendiri. Kajian ini dilakukan bagi mengetahui persepsi pensyarah-pensyarah politeknik lepasan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO tentang keberkesanan latihan mengajar yang telah mereka lalui.

#### **1.8.4 Pensyarah-pensyarah Politeknik Lulusan Sarjana Pendidikan (Teknikal) KUiTTHO**

Pensyarah-pensyarah ini adalah merupakan bekas pelajar-pelajar Sarjana Pendidikan (Teknikal) yang pernah mengikuti pengajian selama tiga semester di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn atau sebelumnya dikenali dengan nama Institut Teknologi Tun Hussein Onn.





# BAB 2

---

## **BAB II**

### **SOROTAN KAJIAN**

#### **2.1 Pengenalan**

Sorotan kajian ini bertujuan untuk mengetahui matlamat, kepentingan serta hal-hal yang berkaitan dengan latihan mengajar. Ianya digunakan sebagai rujukan dan panduan untuk menjalankan kajian ini.

#### **2.2 Matlamat dan Kepentingan Latihan Mengajar**

Latihan mengajar adalah merupakan satu aspek yang penting di dalam kurikulum latihan perguruan. Latihan ini juga merupakan satu syarat yang harus dipenuhi oleh pelatih-pelatih yang mengikuti kursus pendidikan di KUiTTHO. Menurut Berliner (1985) dan McIntyre et. al (1996), latihan mengajar adalah merupakan satu komponen yang sangat penting untuk melahirkan guru yang berkesan. Ini adalah kerana semasa menjalani latihan mengajar, pelatih-pelatih dapat mengaplikasikan teori yang telah mereka pelajari dalam situasi bilik darjah yang

## RUJUKAN

- Abdul Raof dan T. Sumbahan Mohd Meerah (1991). "Isu-isu Latihan Mengajar". Edisi Pertama. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ahmad Esa (1997). "Ciri-ciri Guru Sebagai Pemimpin Daripada Sudut Pandangan Pelajar: Satu Kajian Kes Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pasir Gudang (1), Johor Bahru, Johor." Universiti Teknologi Malaysia: Kajian Pendidikan Sarjana.
- Aminudin Adam dan Md. Arif Md. Zin (1999). "Persepsi Guru Pelatih Kemahiran Hidup Sekolah Rendah Semester 5 Terhadap Keberkesanan Penyeliaan Praktikum." *Jurnal Akademik*. **10**. 32-41.
- Andrea, M. G. (2000). "Classroom Teaching: A Primer for New Professionals." New Jersey: Prentice Hall, Inc.
- Berliner, D. (1985). "Laboratory Settings And The Study Of Teacher Education". *Journal Of Teacher Education*. **36(6)**. 2-8.
- Best, J. W., & Kahn, J. V. (1998). "Research in Education". (8th ed.) London: Allyn & Bacon.
- Bowman, N. (1979). "College Supervision Of Student Teacher: A Research Report". *British Journal Of Teacher Education*. **5(3)**. 243-250.

Brown, G. (1975) "Microteaching: A Programme Of Teaching Skills". London: Methuen and Co. Ltd.

Buku Persediaan Mengajar, KUiTTHO.

Charles, C. M. (1992). "Building Classroom Discipline." 4th ed. New York: Longman Publishing Group.

Choong, Lean Keow, et. al. (2000) "Persepsi Guru Pelatih Semester Empat Ambilan Ogos 1996 Terhadap Faktor-faktor Tekanan Semasa Praktikum III – Satu Tinjauan Awal." *Jurnal Penyelidikan*. 1. 43-56.

Clifton, R.A. (1979). "Practice Teaching Survival In A Marginal Situation". *Canadian Journal Of Education*. 4(3). 60-74.

Cohen, L. Dan Manion, L. (1985). *Research Methods in Education.* London: Croom. Helm.

Copley, P.O. (1974). "A Study of The Effect Of Professional Education Courses On Beginning Teachers". Eric Document No. ED 098147.

Denton, J.J and Lacina, L.J. (1984). "Quantity Of Professional Education Coursework Linked With Process Measures Of Education". *Teacher Education and Practice*. 1.39-46.

Drew, C. J., Hardman, M.L., and Hart, A. W. (1996). "Designing and Conducting Research: Inquiry In education An Social Science". 2nd ed. Massachusetts: Allyn and Bacon.

Ee Ah Meng (1993). "Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu". Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Ee ah Meng (1997). *Pedagogi II Pelaksanaan Pengajaran*". Edisi Pertama. Shah Alam Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Exertson, J. (1995). "Teachers in School As Teaching Practice Supervisors." *Journal of Education For Teaching*. 8. 3. 72-74.

Francis, Wong Hoy Kee dan Paul, Chan Min Phang (1975). "The Changing Pattern of Teacher Education In Malaysia." Kuala Lumpur: Heinemen Educational Books (Asia) Ltd.

Gage, N. L. (1971). "Desirable Behavior Of Teacher". In James Partners et. al, *Studying Teaching*. Engglewood Cliffs, London: Prentice Hall Inc.

Henry, M.A and Beasley, W.W. (1979). "Supervising Students Teachers The Professional Way: A Guide For Cooperating Teachers". Terre Haute: Sycamore Press.

Hoy, W., & Woolfolk, A, E. (1989). Supervising student teachers. In Anita E. Woolfolkk (Ed). *Research perspective on the graduate preparation of teachers*. Englewood Cliffs, N.J: Prentice-Hall. Pp 108-131.

Kaltsounis, T., & Nelson, J. L. (1968). The Mythology of student teaching. *Journal of Teacher Education*, 19 (3): 277-281.

Kamarudin Hj. Husin (1986). "Panduan Latihan Mengajar." Petaling Jaya: Heinemann (Malaysia) Sdn. Bhd.

Kamus Besar Bahasa Melayu (1995). Terbitan Pertama. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Kamus Dewan (1993). Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Krejeie, R. V and Morgan, D. W. (1970). "Determining Sample Size for Research." Educational and Psychological Measurement.

Lee, Lai Guan et. al. (1999). "Satu Tinjauan Tahap Keperluan Latihan Guru Pelatih Semasa Menjalani Latihan Mengajar." *Jurnal Penyelidikan Pendidikan IPDA*. 2. 37- 63.

Marson, E. J. And Bramble, W. J. (1997). "Research in Education and the Behavioural Science Concepts and Methods." California: Brown Benchmark.

Mathan Lal Bangah et. al. (1994). "Kesediaan Guru Pelatih Semester III Menghadapi Praktikum I." *Jurnal Pelita Pendidik*. 3. 87-119.

McIntyre, D.J, Byrd, D.M. and Foxx, S.M. (1996). "Field And Laboratory Experiences". In J. Sikula (Ed.), Handbook Of Research On Teacher Education. New York: Macmillian.

Mohd Ibrahim Nazri dan Zakaria Kasa (1994). "Keputusan Latihan Mengajar: Asas Peningkatan Profesionalisme Perguruan". Seminar Jawatankuasa Latihan Keguruan Antara Universiti. Kuala Lumpur: Cumall Industries Sdn. Bhd.

Mohd Najib Abdul Ghaffar (1999). "Penyelidikan Pendidikan". Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

Mohd Nawi Ab Rahman (2000). "Teras Penyelidikan". Serdang : Universiti Putra Malaysia.

Morris, J. R. (1978). "The Effects Of The University Supervisors On The Performance And Adjustment Of Student Teachers". *Journal Of Educational Research*. April. 67-80.

National Council for Accreditation of Teacher Education (1982). "Standards For The Accreditation Of Teacher Education. Washington, D.C: NCATE.

Neill, S. D. (1993). "Practice Teaching: Old and Ineffective." *Education Canada*. **33**. 2  
**10-13.**

Ng, Chiew Mei dan Ishak bin Osman (1996). "Masalah Yang Dihadapi Oleh Guru Pelatih Semasa Menjalankan Praktikum I." Kuala Lumpur. Maktab Perguruan Ilmu Khas.

Partington, J. (1982). "Teacher In School As Teaching Practice Supervisors". *Journal Of Teacher Education For Teaching*. **8(3)**. 263-274.

Reber, A. S. (1995). "Croanbatch's Alpha." *The Penguin Dictionary of Psychology*. Retrieved January 7, 2002 from the World Wide Web:  
<http://www.edexcellence.net/library/problem.html>

Robiah Sidin (1998). "Pemikiran dalam Pendidikan". Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Seperson, M., & Joyce, B. R. (1981). The relationships between the teaching styles of student teachers and those of their cooperating teachers. In B. R. Joyce, C. C. Brown, and L. Peck. (eds.). *Flexibility in teaching: An excursion into the nature of teaching and training*.

Sharpe, D.M. (1970). "A Brief Guide To Secondary School Student Teaching". Terre Haute, IN: Indiana State University.

Stone, E. (1984). "Supervision In Teacher Education". London: Methusen And Co. Ltd.

Tang, Chee Yee (1998). "Panduan Latihan Mengajar". Edisi Pertama. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Turney, C. (1977). "Motivations In Teacher Education". Sydney: Sydney University Press.

Uma Sekaran (1992). "Research Method For Business: A Skill-Building Approach." 2nd. Edition. United State Of Amerika: John Wiley and Sons Inc.

Veenman, S. (1984). "Perceived Problems Of Beginning Teachers". *Review Of Educational Research*. 5. 2. 143-148.



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH